15 KORBAN DAN AKIKAH	1	Menyatakan perkara asas ibadat korban dan akikah.	79		
	2	Memahami kefahaman mengenai ibadat korban dan akikah.	79		
	3	Mengaplikasi kefahaman mengenai ibadat korban dan akikah.	80		
	4	Menganalisis kefahaman mengenai ibadat korban dan akikah.	80, 81		
	5	Menilai kefahaman mengenai ibadat korban dan akikah.	81		
	6	Merumus kefahaman mengenai ibadat korban dan akikah.	81		
Tahap Penguasaan Pelajaran 15	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
16 MUAMALAT ISLAM	1	Menyatakan perkara asas mengenai muamalat Islam.	86		
	2	Memahami kefahaman mengenai muamalat Islam.	86		
	3	Mengaplikasi kefahaman mengenai muamalat Islam.	86, 87		
	4	Menganalisis kefahaman mengenai muamalat Islam serta mengamalkannya.	87		
	5	Menilai kefahaman mengenai muamalat Islam serta mengamalkannya secara beradab.	88		
	6	Merumus kefahaman mengenai muamalat Islam serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	88		
Tahap Penguasaan Pelajaran 16	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5 ✓	TP 6
17 SOLAT SUNAT DUHA DAN SOLAT SUNAT GERHANA	1	Menyatakan perkara asas ibadat solat sunat duha dan solat sunat gerhana.	92		
	2	Memahami ibadat solat sunat duha dan solat sunat gerhana.	92		
	3	Mengaplikasi ibadat solat sunat duha dan solat sunat gerhana.	93		
	4	Menganalisis kefahaman ibadat solat sunat duha dan solat sunat gerhana serta mengamalkannya.	94		
	5	Menilai kefahaman ibadat solat sunat duha dan solat sunat gerhana serta mengamalkannya secara beradab.	94		
	6	Merumus kefahaman ibadat solat sunat duha dan solat sunat gerhana serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	94		
Tahap Penguasaan Pelajaran 17	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PELAJARAN	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	DESKRIPTOR		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM					
18 KERAJAAN KHULAFA AR-RASYIDIN	1	Menyatakan pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin.	98		
	2	Memahami pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin.	99		
	3	Mengaplikasi iktibar daripada pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin.	99		
	4	Menganalisis iktibar daripada pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin.	99, 100		
	5	Menilai iktibar daripada pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin serta mengamalkannya secara beradab.	99, 100		
	6	Merumus iktibar daripada pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	100		
Tahap Penguasaan Pelajaran 18	TP 1	TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6			
19 KERAJAAN UMAIYAH	1	Menyatakan pemerintahan kerajaan Umaiyah.	104		
	3	Mengaplikasi iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umaiyah.	104		
	4	Menganalisis iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umaiyah serta mengamalkannya.	105		
	5	Menilai iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umaiyah serta mengamalkannya secara beradab.	105		
	6	Merumus iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umaiyah serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	105		
Tahap Penguasaan Pelajaran 19	TP 1	TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6			
20 KERAJAAN ABBASIYAH	1	Menyatakan pemerintahan kerajaan Abbasiyah.	110		
	2	Memahami pemerintahan kerajaan Abbasiyah.	110		
	3	Mengaplikasi iktibar daripada pemerintahan kerajaan Abbasiyah.	110		
	4	Menganalisis iktibar daripada pemerintahan kerajaan Abbasiyah serta mengamalkannya.	111		
	5	Menilai iktibar daripada pemerintahan kerajaan Abbasiyah serta mengamalkannya secara beradab.	111		
	6	Merumus iktibar daripada pemerintahan kerajaan Abbasiyah serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	112		
Tahap Penguasaan Pelajaran 20	TP 1	TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6			
21 KEAGUNGAN TOKOH EMPAT MAZHAB	1	Menyatakan keunggulan tokoh empat mazhab.	116		
	2	Memahami keunggulan tokoh empat mazhab.	116		
	4	Menganalisis iktibar daripada keunggulan tokoh empat mazhab serta mengamalkannya.	116		
	5	Menilai iktibar daripada keunggulan tokoh empat mazhab serta mengamalkannya secara beradab.	117		
	6	Merumus iktibar daripada keunggulan tokoh empat mazhab serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	117		
Tahap Penguasaan Pelajaran 21	TP 1	TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6			

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PELAJARAN	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	DESKRIPTOR		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
BIDANG AKHLAK ISLAMIAH					
22 BERSIKAP BENAR MENJAUHKAN KEMUNAFIKAN	1	Menyatakan tuntutan bersikap benar.	121		
	2	Memahami tuntutan bersikap benar.	121		
	3	Mengaplikasi bersikap benar.	121		
	4	Menganalisis bersikap benar serta mengamalkannya.	121		
	5	Menilai bersikap benar serta mengamalkannya secara beradab.	122		
	6	Merumus bersikap benar serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	122		
Tahap Penguasaan Pelajaran 22	TP 1 ☐	TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐			
23 KHAUF DAN RAJA'	1	Menyatakan konsep khauf dan raja'.	126		
	2	Memahami konsep khauf dan raja'.	126		
	3	Mengaplikasi sifat khauf dan raja'.	127		
	4	Menganalisis sifat khauf dan raja' serta mengamalkannya.	127		
	5	Menilai kefahaman sifat khauf dan raja' serta mengamalkannya secara beradab.	127		
	6	Merumus kefahaman sifat khauf dan raja' serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	128		
Tahap Penguasaan Pelajaran 23	TP 1 ☐	TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐			
24 ADAB TERHADAP ORANG SAKIT DAN KURANG UPAYA	1	Menyatakan adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya.	132		
	2	Memahami adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya.	132		
	3	Mengaplikasi adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya.	132, 133		
	4	Menganalisis adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya serta mengamalkannya.	133		
	5	Menilai adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya serta mengamalkannya secara beradab.	133		
	6	Merumus adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	133		
Tahap Penguasaan Pelajaran 24	TP 1 ☐	TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐			
25 WASATIAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT	1	Menyatakan konsep wasatiah.	137		
	2	Memahami konsep wasatiah.	137		
	3	Mengaplikasi konsep wasatiah.	137		
	4	Menganalisis konsep wasatiah serta mengamalkannya.	138		
	5	Menilai konsep wasatiah serta mengamalkannya secara beradab.	138, 139		
	6	Merumus konsep wasatiah serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	139		
Tahap Penguasaan Pelajaran 25	TP 1 ☐	TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐			

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PELAJARAN 1 Surah al-An'am, Ayat 162 – 163

NOTA PECUT

Ayat Bacaan dan Hafazan: Surah al-An'am, Ayat 162 – 163

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُۥ ۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

(Surah al-An'am: 162 – 163)

Maksudnya: *Katakanlah: Sesungguhnya solatku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah, Tuhan yang mentadbir sekalian alam. Tiadalah sekutu bagi-Nya. Dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan dan aku ialah orang Islam yang awal pertama yang berserah diri kepada Allah SWT.*

Inti Sari Ayat



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 2 – 5

1.26.1 Baca Ayat dengan Betul, Lancar, Bertajwid dan Fasih

1. Baca ayat di bawah dengan betul, lancar, bertajwid dan fasih. MAHIR SPM TP 1

SP 1.26.1

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُۥ ۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ
وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

(Surah al-An'am: 162 – 163)

2. Padankan maksud potongan ayat di bawah dengan betul. TP 2 TP 3

SP 1.26.1

(a)	صَلَاتِي وَنُسُكِي	solatku dan ibadatku
(b)	وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي	Tuhan yang mentadbir sekalian alam
(c)	رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ	hidupku dan matiku
(d)	لَا شَرِيكَ لَهُۥ	Tiada sekutu bagi-Nya
(e)	وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ	orang Islam yang awal pertama
(f)	أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ	Dan dengan demikian aku diperintahkan

Buku Teks ms. 2 – 5

1.26.2 Inti Sari Ayat

3. Senaraikan inti sari ayat 162 – 163, surah al-An'am. TP 4

SP 1.26.2

(a) Segala ibadat yang dilakukan perlu mengikut syariat Nabi Muhammad SAW.

VIDEO

Surah al-An'am ayat 162 – 163

(b) Kehidupan di dunia perlu dipenuhi dengan melaksanakan perintah Allah SWT.

(c) Solat ialah tonggak kepada segala amalan seseorang Muslim.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 2 – 5

1.26.3 Hafaz dengan Betul, Lancar dan Bertajwid

NOTA P+

4. Hafaz potongan ayat al-Quran di bawah dengan betul, lancar dan bertajwid. TP 5

SP 1.26.3

KBAT Menilai

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي	لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ	وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ
وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي	لَا شَرِيكَ لَهُۥ	وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ

5. Susun semula potongan ayat al-Quran di bawah menjadi ayat yang lengkap. Tuliskan nombor jawapan sahaja. TP 5

SP 1.26.3

وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ	1
وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ	2
قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ	3
لَا شَرِيكَ لَهُۥ وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ	4

(Surah al-An'am: 162 – 163)

(a) 3

(b) 1

(c) 4

(d) 2

Aktiviti

PAK-21 KBAT Menilai TP 6

1. Murid diminta duduk dalam kumpulan yang terdiri daripada tiga orang atau lima orang ahli.
2. Guru memberikan tajuk, iaitu menghafaz ayat 162 hingga 163 dari surah al-An'am.
3. Murid menghafaz ayat tersebut.
4. Kemudian setiap ahli kumpulan perlu memperdengarkan bacaan hafazan antara satu sama lain.
5. Pencatat akan membuat laporan selepas hafazan tersebut berakhir.

Tahap Penguasaan Pelajaran 1 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis SPM 1

Kertas 2

1. (a) Anda dikehendaki membaca ayat al-Quran berikut.

Buku Teks ms. 2

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُۥ ۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

(Surah al-An'am: 162 – 163)

Murid membaca ayat di atas. [50 *markah*]

(b) Sila ulang dan sambung bacaan berikut.

Buku Teks ms. 2

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي ...

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُۥ ۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

[15 *markah*]

2. (a) Anda dikehendaki membaca ayat al-Quran berikut.

Buku Teks ms. 2

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦٢﴾

(Surah al-An'am: 162)

Murid membaca ayat di atas. [50 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KBAT Ekstra Pelajaran 1

Solat lima waktu ialah satu kewajipan. Tunaikan solat walau di mana-mana sahaja anda berada.

1. Bagaimanakah anda berusaha menjaga solat fardu setiap hari? Kemukakan hujah anda.

KBAT Mencipta

Saya akan menjaga solat lima waktu dengan menjadikan solat sebagai urusan pertama dalam aktiviti harian. Setiap hari saya akan berusaha untuk tidak melewat-lewatkan solat. Saat mendengar azan, saya akan berhenti melakukan sesuatu perkara dan bersiap untuk menunaikan solat terutama secara berjemaah. Kesimpulannya, tiada jaminan yang kita masih hidup saat menangguhkan solat fardu.

Keikhlasan merupakan faktor utama segala ibadat diterima oleh Allah SWT.

2. Mengapakah kita perlu menghadirkan sifat ikhlas ketika beribadat kepada Allah SWT? Huraikan hujah anda.

KBAT Menganalisis

Manusia disyariatkan beribadat tanpa perlu memikirkan asbab ibadat itu diperintahkan sedemikian. Hal ini bertujuan agar ibadat yang dilakukan benar-benar ikhlas kerana Allah SWT tanpa mengharapkan sesuatu ganjaran. Kesimpulannya, keikhlasan itu datangnya daripada hati yang bersih dan jujur demi mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

POT
Enrolment key ♥
D#Ef4*aF

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PELAJARAN 12

Hindari Ajaran Sesat

NOTA PECUT

Ajaran sesat → Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunah

Kesan Melakukan Ajaran Sesat

Kesan melakukan ajaran sesat

- **Agama**
  - Melemahkan iman dan merosakkan akidah
  - Menjatuhkan imej umat Islam
- **Ekonomi**
  - Melahirkan individu yang pasif dan lemah
  - Wang digunakan untuk perkara yang tidak berfaedah
- **Politik**
  - Tindakan keganasan akan menggugat kestabilan politik
  - Suasana politik menjadi tidak harmoni kerana taasub kepada pemimpin kumpulan
- **Kemasyarakatan**
  - Masyarakat yang bersikap agresif dan kasar akan terbentuk
  - Hubungan silaturahim dan persaudaraan Islam akan terputus

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 83

3.11.1 Takrif Ajaran Sesat

1. Nyatakan maksud ajaran sesat. TP 1

SP 3.11.1

Ajaran sesat bermaksud ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunah

Buku Teks ms. 84 – 85

3.11.2 Ciri dan Contoh Ajaran Sesat

2. Jelaskan ciri-ciri ajaran sesat. MAHIR SPM TP 2 TP 3

SP 3.11.2

	Aspek	Ciri ajaran sesat
(a)	Al-Quran dan al-Hadis	• Hanya berpegang dengan al-Quran • Menolak hadis sebagai sumber hukum
(b)	Akidah	• Mengaku menjadi nabi atau rasul • Mendakwa diri atau gurunya sebagai imam mahdi
(c)	Ibadat	• Menolak kewajipan ibadat fardu • Beribadat hanya dengan berzikir bagi menggantikan solat
(d)	Akhlak	• Bersikap taasub dengan ajaran guru sehingga menganggap kumpulannya sahaja yang benar • Memperkecilkan amalan masyarakat berasaskan sunah Nabi Muhammad SAW

3. Jelaskan contoh ajaran sesat yang tersebar di Malaysia. TP 2 TP 3

SP 3.11.2

Contoh ajaran sesat

- (a) Ajaran Bahai
- (b) Ajaran Hasan Anak Rimau
- (c) Ajaran Ayah Pin
- (d) Ajaran Matahari/ Taslim

NOTA P+ PRAKTIS PENGUASAAN & PRAKTIS LANJUTAN

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 86

3.11.3 Kesan Melakukan Ajaran Sesat

4. Terangkan kesan melakukan ajaran sesat. MAHIR SPM TP 4

SP 3.11.3

KBAT Menganalisis

	Aspek	Kesan
(a)	Agama	Melemahkan iman dan merosakkan akidah
(b)	Ekonomi	Melahirkan individu yang malas dan pasif
(c)	Politik	Menggugat kestabilan politik akibat tindakan keganasan oleh pengikut yang fanatik

Buku Teks ms. 87

3.11.4 Cara Menjauhi Ajaran Sesat

5. Huraikan cara berkesan untuk menjauhkan diri daripada terlibat dengan ajaran sesat. TP 5

SP 3.11.4

Ilmu	Mempelajari ilmu akidah yang sebenar berdasarkan manhaj Ahli Sunah Waljamaah
Sahabat	Mengelakkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya
Amal	Amalan yang dilakukan haruslah mengikut panduan al-Quran dan al-Sunah

INFO

Kenali bentuk dan ciri-ciri ajaran sesat

Aktiviti

PAK-21 KBAT Menganalisis TP 6

1. Murid membuat aktiviti secara berpasangan.
2. Guru memberikan tajuk "Faktor-faktor segelintir umat Islam mudah terpengaruh dengan ajaran sesat".
3. Murid berfikir secara sendirian dalam masa 10 minit. Kemudian, berkongsi pendapat bersama-sama pasangan.
4. Murid perlu berkongsi maklumat dengan kumpulan lain.

Tahap Penguasaan Pelajaran 12 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis SPM 12

Kertas 1

1. (a) (i) Nyatakan maksud ajaran sesat.

Buku Teks ms. 83

Ajaran sesat ialah ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunah.

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek akidah.

Buku Teks ms. 84

- Mengaku menjadi nabi atau rasul.
- Mendakwa diri atau gurunya sebagai imam Mahdi.

[2 *markah*]

> Sebanyak 154 ajaran difatwakan sebagai sesat di negara ini sejak tahun 1950 hingga 2023.

(iii) Namakan **dua** contoh ajaran yang difatwakan sebagai sesat.

- Ajaran Bahai.
- Ajaran Hasan Anak Rimau.

KBAT Mengingat

[2 *markah*]

(iv) Cadangkan tindakan berkesan yang harus diambil oleh pihak kerajaan bagi mengelak penularan ajaran sesat daripada berleluasa dalam kalangan masyarakat Islam.

Jabatan Agama Islam Negeri dan pelbagai badan keagamaan lain perlu menggerakkan usaha pendidikan dan dakwah dengan menyebarkan maklumat dan mengadakan program-program pendidikan agama. Hal ini termasuklah ceramah, kursus, dan penerbitan bahan-bahan bacaan. Pendekatan ini bertujuan untuk membimbing individu yang terpengaruh dengan ajaran sesat kembali ke jalan yang benar. Kesimpulannya, keberkesanan usaha menangani ajaran sesat memerlukan kerjasama erat antara pelbagai agensi kerajaan, badan keagamaan, dan masyarakat.

KBAT Mengaplikasi

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KBAT Ekstra Pelajaran 12

Umat Islam wajib memelihara kesucian Islam daripada dinodai sebarang ajaran sesat.

1. Huraikan tanggungjawab anda sebagai umat Islam untuk memelihara kesucian Islam daripada dicemari anasir bertentangan dengan syarak.

KBAT Menganalisis

Setiap Muslim diwajibkan supaya menimba ilmu Islam daripada sumber yang tulen, iaitu al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Dalam hal ini, terserlahlah peranan ulama dalam menyebarkan ilmu Islam dalam kalangan masyarakat Islam. Pihak kerajaan juga sewajarnya berganding bahu bersama-sama ulama untuk menguatkuasakan undang-undang Islam bagi membanteras gejala ajaran sesat dan amalan khurafat. Kesimpulannya, dengan adanya permuafakatan yang padu antara umara dan ulama, barulah usaha memartabatkan Islam berjaya dilaksanakan sepenuhnya.

Allah merakamkan kisah kesesatan kaum Yahudi dalam firman-Nya yang bermaksud:
"Di antara orang Yahudi ada yang mengubah (atau menukar ganti) Kalamullah (isi Kitab Taurat), dari tempat dan maksudnya yang sebenar, dan berkata (kepada Nabi Muhammad): Kami mendengar, (sedang mereka berkata dalam hati): Kami tidak akan menurut.

(Surah al-Nisa': 46)

2. Kemukakan bukti bahawa punca kesesatan dan kebinasaan sesuatu kaum atau bangsa adalah kerana mengubah ajaran agama yang diutuskan Allah kepada umat manusia.

KBAT Menganalisis

Keadaan itu berlaku apabila kejahilan terhadap ajaran Islam sebenarnya masih lagi menunjangi ruang lingkup kehidupan umat Islam. Kesannya mereka tidak arif mengenai batas iman dan Islam yang menghampirkan mereka ke sempadan kesesatan hingga tidak menyedari bahawa amalan khurafat dan ajaran sesat itu bertentangan dengan Islam. Kesimpulannya, tidak wajar ajaran Islam yang sempurna lagi lengkap ini diselewengkan dan disalahgunakan pihak tidak bertanggungjawab.

POT
Enrolment key ♥
D#Ef4*aF

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PELAJARAN
25

Wasatiah Menjamin Kecemerlangan Umat

NOTA PECUT

Empat Prinsip Wasatiah

Prinsip wasatiah	Maksud	Aspek/ciri
Kesederhanaan	Melakukan sesuatu dengan sempurna, tidak melampaui batas dan mematuhi syarat	• Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh tanggungjawab • Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di bumi
Keseimbangan	Memenuhi keperluan rohani, jasmani dan akal secara sempurna dalam semua keadaan	• Rohani: – Melaksanakan ibadat fardu dan sunat dengan istiqamah – Menghayati al-Quran dan berzikir dengan bersungguh-sungguh • Jasmani: – Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan – Berehat dengan cukup setelah penat bekerja supaya badan kembali cergas dan bertenaga • Akal: – Menjauhi benda yang boleh merosakkan akal seperti arak dan dadah – Menggunakan akal sebaik-baiknya untuk meningkatkan ilmu
Keadilan	Meletakkan sesuatu sesuai dengan suasana, masa dan tempat	• Menunaikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya • Mengambil pendekatan seimbang dan pertengahan secara berhikmah dalam dua perkara yang ekstrem
Kecemerlangan	Pendekatan yang terbaik dalam kelakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berkeyakinan teguh kepada Allah SWT	Ciri umat cemerlang: • Melakukan kebaikan seperti memakmurkan diri dan membangunkan negara • Mencegah diri daripada melakukan kezaliman dan kekejaman serta kefasikan (kerosakan)

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 205

6.18.1 Maksud dan Dalil Wasatiah

1. Nyatakan maksud wasatiah. MAHIR SPM TP 1

SP 6.18.1

Wasatiah ialah pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam semua tindakan

NOTA P+

2. Nyatakan terjemahan dalil anjuran supaya mengamalkan wasatiah dalam kehidupan. TP 2

SP 6.18.1

Dalil 1

Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan demikianlah kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat pertengahan (umat pilihan lagi adil) supaya kamu layak menjadi saksi untuk memberi keterangan kepada umat manusia.

(Surah al-Baqarah: 143)

Dalil 2

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Lakukanlah dengan bersederhana. Dan ketahuilah bahawa perbuatan kamu tidak akan menyebabkan kamu masuk syurga. Amalan yang paling disukai Allah ialah yang berterusan walaupun sedikit.

(Riwayat Bukhari)

3. Jelaskan maksud 'ummatan wasatha – umat pertengahan' dalam prinsip wasatiah. TP 3

SP 6.18.1

(a) Umat yang terbaik dan pertengahan dalam semua perkara dan tidak melampaui batas serta tidak lalai

(b) Tidak berlebih-lebihan dalam urusan agama dan spiritual semata-mata seperti golongan Nasrani

INFO

Apakah kepentingan wasatiah?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 208 – 209

6.18.2 Empat Prinsip Wasatiah

4. Terangkan maksud berserta contoh yang terkandung dalam prinsip wasatiah. TP 4 TP 5

SP 6.18.2

	Prinsip wasatiah	Maksud	Contoh
(a)	**Kesederhanaan**	(i) Melakukan sesuatu dengan sempurna, tidak melampaui batas dan mematuhi syarat	(ii) Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh tanggungjawab (iii) Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di bumi
(b)	**Keseimbangan**	(i) Memenuhi keperluan rohani, jasmani dan akal secara sempurna dalam semua keadaan	(ii) Rohani: Melaksanakan ibadat fardu dan sunat dengan istiqamah (iii) Jasmani: Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan (iv) Akal: Menjauhi benda yang boleh merosakkan akal seperti arak dan dadah
(c)	**Keadilan**	(i) Meletakkan sesuatu sesuai dengan suasana, masa dan tempat	(ii) Menunaikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya (iii) Mengambil pendekatan seimbang dan pertengahan secara berhikmah dalam dua perkara yang ekstrem

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(d)	**Kecemerlangan**	(i) Pendekatan yang terbaik dalam melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berkeyakinan teguh kepada Allah SWT	Ciri umat cemerlang: (ii) Melakukan kebaikan seperti memakmurkan diri dan membangunkan negara (iii) Mencegah diri daripada melakukan kezaliman dan kekejaman serta kefasikan (kerosakan)

Buku Teks ms. 210

6.18.3 Hikmah Melaksanakan Prinsip Wasatiah

5. Huraikan hikmah melaksanakan empat prinsip wasatiah dalam kehidupan. TP 6

SP 6.18.3
KBAT Menganalisis

(a) Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan kerana adanya kestabilan politik

(b) Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana kerana tidak berlaku pembaziran dan salah guna kuasa

(c) Masyarakat yang aman dan bersatu padu dapat dibangunkan dengan melaksanakan prinsip-prinsip keadilan

Aktiviti

PAK-21 KBAT Mengaplikasi TP 6

1. Murid membuat aktiviti dalam kumpulan.
2. Guru memberikan tajuk "Cara murid mengamalkan prinsip wasatiah dalam kehidupan".
3. Murid berbincang dalam kumpulan mengenai tajuk yang diberikan.
4. Hasil dapatan dipersembahkan dalam bentuk peta minda dan dibentangkan di hadapan kelas.

Tahap Penguasaan Pelajaran 25 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis SPM 25

Kertas 1

1. (a) (i) Apakah maksud keseimbangan dalam Islam?

Buku Teks ms. 205

Keseimbangan ialah memenuhi keperluan rohani, jasmani dan akal secara sempurna dalam semua keadaan.

[2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** cara mengamalkan konsep keseimbangan dalam aspek jasmani.

Buku Teks ms. 207

- Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan.
- Memberi ruang untuk berehat setelah penat bekerja supaya badan kembali bertenaga dan cergas.

[2 *markah*]

(iii) Senaraikan **dua** prinsip wasatiah.

Buku Teks ms. 206-209

- Kesederhanaan.
- Keadilan.

[2 *markah*]

> Keseimbangan dalam hidup adalah kunci untuk mencapai kesejahteraan.

(iv) Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

Keseimbangan dalam hidup adalah asas kepada kesejahteraan yang berpanjangan. Hal ini kerana dalam dunia yang serba pantas ini, kita sering terjebak dalam keinginan untuk mencapai kejayaan dalam pelbagai aspek kehidupan seperti kerjaya, hubungan sosial, kesihatan dan kewangan. Namun, tanpa keseimbangan yang sihat, kita mungkin berasa tertekan, terasing atau tidak puas hati walaupun telah mencapai banyak pencapaian. Kesimpulannya, keseimbangan hidup adalah kunci kepada kesejahteraan kerana membolehkan kita mengekalkan kesihatan fizikal, mental, emosi dan spiritual yang baik.

KBAT Menganalisis

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) (i) Nyatakan maksud kesederhanaan menurut kaca mata Islam.

Buku Teks ms. 206

Kesederhanaan bermaksud melakukan sesuatu dengan sempurna, tidak melampaui batas dan mematuhi syarat.

[2 *markah*]

(ii) Jelas **satu** prinsip aspek kesederhanaan.

Buku Teks ms. 206

Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh tanggungjawab.

[2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** hikmah melaksanakan prinsip wasatiah.

Buku Teks ms. 210

- Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana.
- Masyarakat yang aman damai dan bersatu padu dapat dibangunkan dengan melaksanakan prinsip keadilan.

[2 *markah*]

Keadilan adalah akhlak Islam yang mesti diamalkan dalam semua aspek kehidupan.

(iv) Kemukakan bukti bahawa agama Islam menjunjung tinggi keadilan tanpa mengira keturunan, warna kulit dan agama.

Keadilan Islam adalah bersifat sejagat, iaitu bukan hanya untuk orang Islam semata-mata tetapi juga meliputi seluruh manusia tanpa mengira keturunan, warna kulit dan agama. Hal ini kerana keadilan Islam memelihara hak individu dan mencegah sebarang pencerobohan ke atas hak manusia yang berkaitan dengan diri dan segala harta benda. Kesimpulannya, keadilan yang terlaksana akan dapat menghapuskan segala bentuk kezaliman yang juga merupakan tugas utama rasul diutuskan kepada manusia.

KBAT Menganalisis

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KBAT Ekstra Pelajaran 25

Sebagai Mukmin kita telah mempunyai contoh tauladan terbaik dalam mengamalkan sikap kesederhanaan, iaitu Rasulullah SAW. Baginda seorang yang bersederhana dan seimbang dalam menjalani kehidupannya.

1. Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

KBAT Menganalisis

Rasulullah SAW telah menunjukkan sikap baginda sebagai seorang manusia yang perlu menjaga kesederhanaan dan keseimbangan antara tuntutan jasmani dan rohani, roh dan jasad. Baginda seorang insan yang paling bertakwa kepada Allah SWT, tetapi baginda berpuasa dan berbuka, bersolat malam dan tidur, malah berkahwin. Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita perlu menerapkan aspek keseimbangan dalam kehidupan kerohanian dan fizikal untuk memenuhi jadual kehidupan sebagaimana yang dipraktikkan oleh baginda.

Islam merupakan satu-satunya agama yang berdiri atas keadilan dalam hukum-hakam dan pensyariatannya.

2. Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

KBAT Menganalisis

Syariat Islam sama sekali tidak akan memperakui apa-apa jua bentuk kezaliman, ketidakadilan mahupun pencerobohan. Islam juga tidak memilih kasih antara sesiapa. Oleh itu, umat Islam dituntut supaya sentiasa berdiri atas kebenaran di mana-mana jua mereka berada. Kesimpulannya, segala bentuk perjanjian, amanah dan tanggungjawab perlu dilaksanakan walaupun dengan orang yang tidak disenangi.

POT
Enrolment key ♥
D#Ef4*aF

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Jawapan

Pelajaran 1

1. Baca ayat dengan betul dan lancar dengan bimbingan guru atau rakan

2.



3. (a) Segala ibadat yang dilakukan perlu mengikut syariat Nabi Muhammad SAW
(b) Kehidupan di dunia perlu dipenuhi dengan melaksanakan perintah Allah SWT
(c) Solat ialah tonggak kepada segala amalan seseorang Muslim

4. Hafaz potongan ayat al-Quran dengan betul, lancar dan bertajwid

5. (a) 3
(b) 1
(c) 4
(d) 2

Praktis SPM 1

Kertas 2

1. (a) Baca ayat al-Quran yang diberikan
(b) Ulang dan sambung bacaan

2. (a) Baca ayat al-Quran yang diberikan
(b) Ulang dan sambung bacaan

3. (a) Baca ayat al-Quran yang diberikan

KBAT Ekstra Pelajaran 1

1. Saya akan menjaga solat lima waktu dengan menjadikan solat sebagai urusan pertama dalam aktiviti harian. Setiap hari akan berusaha untuk tidak melewat-lewatkan solat. Saat mendengar azan, berhentilah melakukan sesuatu perkara dan bersiaplah untuk laksanakan solat terutama secara berjemaah. Kesimpulannya, tiada jaminan yang kita masih hidup saat menunda-nunda solat fardu.

2. Manusia disyariatkan beribadat tanpa perlu memikirkan kenapa ibadat itu diperintahkan sedemikian. Hal ini bertujuan agar ibadat yang dilakukan benar-benar ikhlas kerana Allah SWT tanpa mengharapkan sesuatu ganjaran. Kesimpulannya, keikhlasan itu datangnya daripada hati yang bersih dan jujur demi mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.